Set 1

Arahan : Kertas soalan ini mengandungi tiga bahagian. Jawab semua soalan di Bahagian A dan Bahagian B serta pilih ***tiga*** soalan di Bahagian C. Jawab semua soalan di ruang yang disediakan.

Bahagian A [20 markah]

Bahagian ini mengandungi 20 soalan objektif. Jawab semua soalan di ruang yang disediakan.

1. Pergerakan plat disebabkan oleh arus perolakan yang terletak di bahagian
   A mantel
   B kerak bumi
   C teras luar
   D teras dalam

- Manusia
- Flora dan fauna

2. Maklumat di atas dapat dikaitkan dengan
   A atmosfera
   B biosfera
   C litosfera
   D hidrosfera

3. Kawasan tanah pamah yang terkenal dengan aktiviti penanaman padi di Malaysia ialah
   A Delta Selangor
   B Delta Rajang
   C Delta Hilir Perak
   D Delta Kedah Perlis



4. Pola petempatan di atas mungkin sekali
   A berpusat
   B berselerak
   C berjajar
   D berkelompok


- Pusat pentadbiran negara
- Terkenal dengan 'pasar apung'

5. Penyataan di atas dapat dikaitkan dengan
   A Bangkok
   B Kuala Lumpur
   C Manila
   D Hanoi

6. Apakah kesan peredaran bumi mengelilingi matahari?
   A Siang dan malam
   B Pasang surut air laut
   C Pembiasan angin lazim
   D Kejadian empat musim



7. Mengapakah aktiviti seperti foto di atas tergendala di kawasan pantai timur pada bulan November hingga Mac?
   A Air laut berkelodak dan keruh
   B Keadaan laut yang bergelora
   C Nelayan membaiki pukat dan bot
   D Pertembungan arus sejuk dan panas



- Masyarakat hidup secara nomad
- Memelihara biri-biri dan unta

8. Penyataan di atas mungkin sekali dapat dikaitkan dengan kawasan yang bertanda
   A I
   B II
   C III
   D IV

9. Apakah punca pemanasan global?
   I Pembuangan sisa pepejal
   II Pembakaran bahan api fosil
   III Penebangan kawasan hutan
   IV Pertambahan bangunan
   A I dan II
   B I dan IV
   C II dan III
   D III dan IV

Scanned with CamSca
LIVEWORKSHEETS

10. Mengapakah teknologi hijau penting kepada alam sekitar?
A Menjimatkan kos
B Membantu hidup berkualiti
C Mengurangkan pencemaran
D Meningkatkan gas rumah hijau

- Periuk kera
- Lumut

11. Spesies flora di atas mungkin sekali boleh ditemui di kawasan hutan
A pantai
B gunung
C hujan tropika
D paya air masin



12. Kepelbagaian tumbuhan dalam foto di atas dapat dikaitkan dengan faktor
A tanih berpasir
B saliran buruk
C kawasan tanah pamah
D berhampiran muara sungai

13. Bagaimanakah kerajaan dapat membantu mengatasi kepupusan harimau belang di Malaysia?
A mewujudkan lebih banyak zoo
B melantik lebih ramai renjer hutan
C mempromosikan harimau belang kepada umum
D mengetatkan undang-undang pencerobohan hutan

- Shah Alam
- Tanjung Malim

14. Kawasan di atas dapat dikaitkan dengan aktiviti
A pertanian
B pelancongan
C pembuatan
D perikanan

15. Sumber pasang surut digunakan secara meluas di negara
A Jepun
B China
C India
D Belanda



16. Sumber yang diperolehi daripada kawasan yang berlorek mungkin sekali
A kuprum
B bauksit
C emas
D petroleum

17. Mengapakah sesetengah spesies pokok menggugurkan daun pada musim luruh?
A pokok kekurangan nutrisi
B cuaca yang terlampau panas
C mencantikkan pemandangan sekitar
D persediaan menghadapi musim sejuk

18. Apakah usaha pihak kerajaan dalam membantu mengurangkan sisa domestik di Malaysia?
A Amalan kitar semula
B Memperbanyakkan tong sampah
C Menambah tapak pelupusan sampah
D Menguatkuasakan undang-undang kitar semula

19. Mengapakah jaringan pengangkutan darat agak terhad di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak?
A kawasan tanah tinggi
B kawasan paya yang luas
C kawasan beriklim sederhana
D kawasan berpenduduk sederhana

20. Bagaimanakah sumber hutan di Malaysia dapat dikekalkan untuk generasi akan datang?
A kitar semula bahan plastik
B mengadakan ladang hutan
C menggalakkan eko pelancongan
D mewartakan kawasan hutan simpan

Scanned with CamSca
LIVEWORKSHEETS